

Transisi kegiatan ekonomi masyarakat Melayu Brunei di pantai barat Borneo Utara, 1881-1963

ABSTRACT

Makalah ini membincangkan perubahan kegiatan ekonomi yang dialami oleh masyarakat Melayu Brunei dengan tamatnya pemerintahan Kesultanan Brunei di kawasan pantai barat Borneo Utara dari tahun 1881 sehinggalah tahun 1963. Dalam konteks kajian ini, perubahan penglibatan masyarakat Melayu Brunei dalam kegiatan ekonomi khususnya daripada berorientasikan tradisional kepada bentuk ekonomi kapitalisme akan menjadi fokus utama perbincangan di bawah pentadbiran British North Borneo (Chartered) Company (BNBC), Jepun dan Kolonial British. Perubahan dari sudut ekonomi dibahaskan bagi memahami ajukan masyarakat Melayu Brunei yang wujud sebagai sebuah entiti masyarakat berbeza daripada masyarakat Melayu di negara Brunei Darussalam.